



BERJAYA SCHOOL OF HUMANITIES & SOCIAL SCIENCES
Faculty of Liberal Arts

FINAL EXAMINATION

Student ID (in Figures) :

| | | | | | | | | | | | | | | |
|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|
| | | | | | | | | | | | | | | |
|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|

Student ID (in Words) : _____

Course Code & Name : **MPU2212 Bahasa Kebangsaan A**
 Trimester & Year : May – August 2018
 Lecturer/Examiner : Ms Normaizura Md Zain
 Duration : 2 Hours

INSTRUCTIONS TO CANDIDATES

1. This question paper consists of 2 parts:
 - PART A (30 marks) : THIRTY (30) multiple-choice questions. Answers are to be written in the Multiple Choice Answer Sheet provided.
 - PART B (70 marks) : SOALAN 1 – Kefahaman dan Tatabahasa
 SOALAN 2 – Karangan (Pilih SATU (1) sahaja)
 Answers are to be written in the Answer Booklet provided.
2. Candidates are not allowed to bring any unauthorized materials except writing equipment into the Examination Hall. Electronic dictionaries are strictly prohibited.
3. This question paper must be submitted along with all used and/or unused rough papers and/or graph paper (if any). Candidates are NOT allowed to take any examination materials out of the examination hall.
4. Only ballpoint pens are allowed to be used in answering the questions, with the exception of multiple choice questions, where 2B pencils are to be used.

WARNING: The University Examination Board (UEB) of BERJAYA University College regards cheating as a most serious offence and will not hesitate to mete out the appropriate punitive actions according to the severity of the offence committed, and in accordance with the clauses stipulated in the Students’ Handbook, up to and including expulsion from BERJAYA University College.

BAHAGIAN B

SOALAN 1 : SOALAN SUBJEKTIF (40 MARKAH)

ARAHAN : Jawab semua soalan di bawah ini.

PEMAHAMAN TEKS (20 markah)

Petikan (i)

Baca petikan puisi di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Orang kampung
tidak kaya harta
tapi masih kenal erti budi dan bahasa

Orang kampung
tidak pernah sombong
tapi punya semangat bergotong-royong

Orang kampung
tidak berbelanja di pasar raya
tapi keperluan ada segala

Orang kampung
suka merendah diri
kerana itu sikap azali

Orang kampung
jarang dijangkiti diabetes dan darah tinggi
kerana tidak lupa petai dan jering

Orang kampung
nafasnya tak pernah terseksa
kerana udaranya tidak diperkosa.

(dipetik daripada 'Ceritera Orang
Kampung 1' oleh Nordin Saad)

1. Apakah jenis puisi di atas? **(2 markah)**
2. Apakah yang dimaksudkan dengan 'kerana tidak lupa petai dan jering'? **(2 markah)**
3. Apakah **DUA (2)** ciri orang kampung yang dapat dikesan dalam karya di atas? **(2 markah)**
4. Apakah **DUA (2)** nilai murni yang terdapat dalam karya di atas? **(4 markah)**

Petikan (ii)

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Disiplin ialah kemahuan untuk mentaati atau menghormati peraturan baik dalam keagamaan, etika sosial mahu pun dalam sesebuah organisasi. Seseorang yang berdisiplin akan berasa bersalah jika melanggar disiplin, walaupun sedikit. Hal ini kerana dia berasa seperti mengkhianati diri sendiri serta menjatuhkan maruah dirinya. Pelanggaran terhadap disiplin juga boleh menjejaskan hubungan antara individu berkenaan dengan orang-orang di sekelilingnya.

Dalam konteks sekolah, disiplin ialah satu peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah untuk memastikan murid mempunyai tingkah laku yang baik. Perlakuan murid yang baik mencerminkan tahap disiplin sesebuah sekolah. Sekolah yang terkawal disiplinnya menjadi pilihan ibu bapa untuk menyekolahkan anak-anak mereka. Selain itu, murid dapat mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian. Penerapan nilai murni dalam diri murid akan memberi **persepsi positif** dalam kalangan ibu bapa terhadap tingkah laku anak-anak mereka. Malah murid yang berdisiplin mempunyai keperibadian tinggi dan berketerampilan. Seorang murid yang mempunyai personaliti yang baik lazimnya bersedia untuk belajar.

Disiplin yang dikenakan juga dapat mengawal murid daripada melakukan perkara-perkara negatif. Murid akan dikawal daripada merosakkan harta benda sekolah dan terlibat dalam pergaduhan di kawasan sekolah. Sekiranya seseorang murid berdisiplin, maka murid boleh mengawal diri di dalam kelas semasa proses pembelajaran dan pengajaran sedang berlangsung. Murid dapat belajar dengan tenang dan selesa kerana tiada gangguan semasa guru sedang mengajar. Lantaran itu, murid dapat memahami kandungan pembelajaran dengan mudah dan berkesan. Pada masa yang sama, murid tidak mudah terjebak dalam sebarang masalah disiplin di sekolah seperti ponteng kelas atau lewat masuk ke kelas. Hal ini akan memudahkan pihak sekolah melaksanakan semua program sekolah dengan lancar.

Faktor disiplin juga memainkan peranan utama menentukan kejayaan seseorang murid dalam pelajaran. Hal ini terbukti apabila keputusan peperiksaan SPM diumumkan, murid yang mempunyai tahap disiplin tinggi dapat menempa kejayaan cemerlang. Murid haruslah mengetepikan permasalahan peribadi agar mudah memperoleh ilmu yang disampaikan oleh guru. Murid yang berdisiplin dapat menjamin keberkesanan dalam pembelajaran.

Oleh itu, hubungan yang baik dan harmonis antara guru dengan murid sangat penting dalam mewujudkan suasana kondusif di sekolah. Tanpa disiplin, murid tidak akan ke mana-mana dan sukar untuk beroleh kejayaan.

(Dipetik dan diubah suai daripada 'Disiplin Perisai Kawalan Diri' oleh Izani Hj. Daud, *Wadah Siswa*, Januari 2013)

1. Berikan maksud rangkai kata **persepsi positif** berdasarkan petikan. **(2 markah)**
2. Pengarang menyatakan **EMPAT (4)** kesan jika para murid tidak berdisiplin. Nyatakan kesan-kesan tersebut. **(4 markah)**
3. Ibu bapa berperanan penting dalam membentuk disiplin anak-anak agar menjadi insan yang berakhlak mulia dan bersahsiah baik. Pada pendapat anda, apakah **DUA (2)** usaha yang boleh diambil oleh ibu bapa untuk mendisiplinkan anak-anak? **(4 markah)**

TATABAHASA (20 markah)

Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan **WAJIB** dijawab. Tuliskan jawapan anda di atas kertas jawapan yang disediakan.

- (a) Bina satu ayat bagi setiap perkataan di bawah ini supaya jelas menunjukkan perbezaan maknanya. Anda tidak boleh menambah imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa.

- I. pecah
- II. berpecah
- III. memecahkan
- IV. pecahan
- V. perpecahan

(10 markah)

- (b) Dalam setiap ayat di bawah ini terdapat **satu kesalahan ejaan** dan **satu kesalahan imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula. Jawapan hendaklah ditulis di kertas jawapan.

1. Pada hari Selasa ini semua calon boleh menyemakkan keputusan peperiksaan secara atas talian.

Kesalahan ejaan : _____
Kesalahan imbuhan : _____

2. Dalam baget tahun ini kerajaan telah membuat peruntukkan yang banyak untuk memajukan sektor pertanian.

Kesalahan ejaan : _____
Kesalahan imbuhan : _____

3. Kes mencuri motosikal yang menjadi-jadi di kawasan itu sudah dilaporkan kepada pihak polis.

Kesalahan ejaan : _____
Kesalahan imbuhan : _____

4. Kanak-kanak itu perlu menjalankan rawatan menggunakan anti-biotik untuk mengelakkan penyakitnya itu berlarutan.

Kesalahan ejaan : _____
Kesalahan imbuhan : _____

5. Kandungan kolestrol yang tinggi menyebabkan pemimpin itu menyerang penyakit jantung secara tiba-tiba.

Kesalahan ejaan : _____

Kesalahan imbuhan : _____

(10 markah)

SOALAN 2 : SOALAN ESEI (30 MARKAH)

ARAHAN : Bahagian ini terdiri daripada **SATU (1)** bahagian yang wajib dijawab.

KARANGAN

Tuliskan sebuah karangan dengan memilih **SATU (1)** daripada tajuk di bawah. Panjang karangan anda hendaklah **tidak kurang daripada 450 patah perkataan**.

SOALAN 1

Kehadiran warga asing ke Malaysia kini dilihat sudah sampai pada tahap yang luar biasa terutama di beberapa buah kawasan di Kuala Lumpur dan bandar raya lain di negara ini. Jelaskan punca-punca banjir warga asing di negara dan langkah mengatasi kedatangan warga asing di Malaysia.

SOALAN 2

Kemalangan jalan raya yang melibatkan bas ekspres sering berlaku terutama ketika musim perayaan. Huraikan pendapat anda tentang sebab-sebab kemalangan jalan raya yang membabitkan bas ekspres.

SOALAN 3

Tuliskan sebuah cerita berdasarkan peribahasa, “jika tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya”.

KERTAS SOALAN TAMAT